

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MEMBENTANGKAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

TEMPAT: DEWAN RAKYAT, PARLIMEN, KUALA LUMPUR

TARIKH: 29 MAR 1984

MASA:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya dengan sukacitanya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan usul yang berikut:

"Bahawa Dewan ini, menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha

melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat; bersejajarnya dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan

Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan;

melulus dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan

Malaysia Keempat yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program yang bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 13 Tahun 1984;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh."

Tuan Yang di-Pertua,

2. Semenjak merdeka, Dewan ini telah berkali-kali mendengar pembentangan rancangan-rancangan pembangunan lima tahun. Perancangan pembangunan telah menjadi sebahagian daripada pendekatan negara dalam mempertingkatkan prestasi ekonomi, sosial dan pembangunan kerohanian negara. Kita tidak syak bahawa rancangan pembangunan memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara kita Malaysia.

3. Pembentangan dan perbahasan mengenai rancangan pembangunan dan kajian separuh penggal sudah menjadi satu daripada tugas dan tradisi Dewan ini. Kita semua menunggu-nunggu pengisytiharan peruntukan-peruntukan dalam rancangan pembangunan dan kajian separuh penggal, sama seperti menunggu durian runtuh.

4. Tetapi dalam ucapan pembentangan pada hari ini, saya akan berganjak daripada tradisi, dan akan menumpukan

perhatian bukan kepada agihan peruntukan yang bertambah, tetapi kepada usaha yang perlu dibuat, supaya rancangan pembangunan bukan menjadi satu proses penerimaan ganjaran yang pasif, tetapi satu penyertaan oleh semua pihak secara lebih aktif bagi membangunkan negara. Jumlah peruntukan dan lain-lain angka akan disebut juga, tetapi tidaklah akan mendapat tempat yang utama seperti dahulu. Jika Ahli Yang Berhormat dan rakyat ingin tahu dengan mendalam berkenaan dengan peruntukan, mereka bolehlah membaca dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telah disediakan oleh Kerajaan Pusat setelah berunding dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sebenarnya tahap pembangunan yang dicapai oleh Malaysia adalah jauh lebih tinggi daripada taraf negara yang membangun, bahkan kadang-kadang lebih tinggi daripada peringkat pembangunan negara-negara yang sudah maju. Umpamanya di Britain setiap warganegara yang bekerja terpaksa membayar yuran tetap untuk kemudahan perubatan yang dikatakan percuma, tetapi di Malaysia kita menyediakan rawatan, tanpa bayaran apa-apa yuran tetap atau bayaran jika kita tidak mampu.

6. Negara-negara, seperti juga individu, mestilah belanja dengan kadar yang ia mampu sahaja, seperti kata orang Inggeris 'One must live within one's means'. Jika kita berhutang pun, hutang itu tidak boleh lebih daripada kadar yang mampu dibayar. Sebarang percubaan untuk berbelanja lebih daripada yang kita mampu akan membinasakan negara.

7. Berhadapan dengan hakikat ini kita mempunyai dua pilihan sekarang. Kita boleh turunkan taraf hidup kita ke paras yang kita mampu, atau kita boleh tingkatkan kekayaan kita supaya kita mampu membiayai taraf hidup yang telah menjadi kebiasaan kita. Untuk tujuan ini, beberapa perubahan sikap dan pendekatan adalah perlu. Sehingga kekayaan meningkat, kita terpaksa mengurangkan perbelanjaan hangus dan sebaliknya meningkatkan peruntukan pelaburan yang boleh menambah kekayaan. Insya-Allah, dengan cara ini, kita akan dapat membiayai kehidupan yang lebih mewah di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Persekutuan yang cuma \$2,400 juta pada tahun 1970 tetapi telah meningkat kepada \$18,385 juta pada tahun 1983.

9. Sebahagian besar daripada pertumbuhan ekonomi ini berasas kepada pengeluaran bahan-bahan utama serta barangan buatan elektronik yang dieksport. Sebenarnya 50% daripada Keluaran Negara Kasar atau GNP adalah daripada eksport.

10. Keadaan ini berbeza daripada apa yang terdapat di negara-negara seperti Jepun dan Amerika Syarikat di mana cuma antara 10 hingga 20% sahaja daripada GNP bergantung

kepada eksport. Dengan perkataan lain, aktiviti ekonomi dalam negara mereka menyumbang lebih banyak kepada GNP, atau peningkatan kekayaan negara, berbanding dengan sumbangan hasil eksport. Sebaliknya kita terlalu bergantung kepada eksport untuk peningkatan kekayaan.

11. Kekayaan negara bukanlah sesuatu yang jadi dengan sendirinya. Ianya boleh merosot atau meningkat mengikut kecerdasan dan kepintaran penduduknya. Memiliki sumber kekayaan seperti bijih, atau tanah yang subur atau lautan yang penuh dengan ikan, tidak dengan sendirinya menjadikan sesebuah negara dan penduduknya kaya. Penduduk mestilah pandai mengeluarkan hasil dan meningkatkan nilai keluaran mereka dengan memproses hasil itu sebelum mereka dan negara dapat menjadi kaya. Tenaga manusia dan kepintaran mereka adalah punca kekayaan yang pertama dan utama.

12. Kerana Malaysia terlalu bergantung kepada eksport, apabila saja ekonomi dunia merosot maka akan merosotlah ekonomi negara. Sementara kita perlu mempertingkatkan lagi eksport kita, tetapi pertumbuhan ekonomi hendaklah juga diasaskan kepada aktiviti di dalam negara. Untuk ini kita perlu memberi perhatian kepada bermacam-macam kegiatan yang boleh menyumbang kepada kekayaan negara.

13. Punca utama kekayaan ialah tabungan pendapatan kita supaya dapat diguna untuk melabur. Tabiat menyimpan sebahagian daripada pendapatan kita amatlah penting. Tetapi jikalau kita simpan sahaja, kita tetap akan rugi kerana harga barang akan meningkat, dan wang yang kita simpan dahulu tidak akan dapat membeli sebanyak yang kita boleh beli di waktu kita menyimpannya.

14. Wang tabung kita mestilah disimpan supaya boleh diguna untuk pelaburan, iaitu di bank, termasuklah Bank Islam, Bank Simpanan Nasional, atau untuk dilabur dalam saham amanah, ataupun terus untuk membeli saham syarikat yang terkenal. Jika sudah terkumpul banyak, kita boleh mengadakan perniagaan dan perusahaan kita sendiri dengan dibantu oleh sedikit modal pinjaman.

15. Punca kedua kekayaan ialah pusingan wang. Wang yang disimpan dalam bantal tidak akan meningkatkan kekayaan penyimpan ataupun negara. Sebaliknya jika wang itu dilabur dan terus dilabur, hasil akan bertambah. Satu ringgit yang dilabur sepuluh kali setahun adalah sama dengan sepuluh ringgit. Oleh itu adalah penting wang itu bergerak secara langsung atau tidak langsung.

16. Punca ketiga kekayaan ialah daya pengeluaran. Jika seseorang itu tidak bekerja sama sekali, tidak akan ada apa-apa sumbangannya kepada dirinya, atau masyarakat atau negara. Sebaliknya jika seseorang memberi khidmat atau mengeluarkan sebahagian atau sesuatu barang, dianya akan menyumbang kepada kekayaan negara. Sudah tentu jika ia bekerja kuat, memberi lebih banyak khidmat atau mengeluarkan lebih banyak hasil daripada tenaganya, sumbangannya adalah

lebih tinggi.

17. Tetapi sumbangan yang lebih tidak bermakna dari segi peningkatan kekayaan negara, jika upahan meningkat lebih daripada tambahan pengeluaran, atau mengambil masa yang lebih panjang dari jumlah masa yang diperlukan oleh orang yang lembab kerjanya. Oleh itu untuk mempertingkatkan daya pengeluaran, setiap orang mestilah menambah khidmat atau hasil kerja lebih daripada peningkatan upahan yang kita terima.

18. Peningkatan daya pengeluaran akan menentukan sama ada kita dapat bersaing dengan negara-negara lain dalam bidang industri dan perdagangan. Jika kita berjaya maka kekayaan negara akan bertambah dan pendapatan semua penduduk Malaysia akan bertambah. Rakyat Malaysia akan menjadi pasar yang lebih berkeupayaan membeli banyak barang perlu dan barang mewah, yang mana ini akan meningkatkan kegiatan ekonomi negara. Peningkatan ekonomi negara akan mewujudkan lebih banyak peluang kerja dan peluang berniaga. Kerajaan pula akan dapat lebih banyak hasil yang boleh diguna bukan sahaja untuk menambah gaji tetapi untuk menyediakan bermacam-macam kemudahan infrastruktur yang dituntut oleh rakyat.

19. Penjelasan ini terpaksa dibuat kerana tekanan dalam semua Rancangan Pembangunan terdahulu daripada ini lebih tertumpu kepada peruntukan yang akan dibuat. Masing-masing mahu lebih banyak peruntukan untuk Kementerian mereka, untuk negeri mereka, untuk kawasan mereka, untuk projek mereka dan seterusnya. Soal dari mana akan datang wang untuk semua ini tidak diberi perhatian. Mereka yang sering mengecam Kerajaan kerana hutang terlalu banyak, tidak berfikir dua kali bila mendesak Kerajaan untuk memperuntukan wang bagi maksud itu dan ini.

20. Kerajaan tidak dapat mengelakkan diri daripada berhutang untuk projek-projek pembangunan, dan Kerajaan sanggup berhutang. Tetapi paras hutang yang boleh dipikul oleh sesebuah negara bergantung kepada kekayaannya dan kekayaan negara adalah hasil daripada tiga faktor yang telah saya sebutkan tadi, iaitu tabungan wang rakyat, kegiatan

21. Jika pembayaran hutang luar negeri mencapai paras 20% daripada eksport maka kita akan menghadapi masalah kewangan yang besar. Alhamdulillah kita belum sampai ke peringkat itu, dan kita tidak akan sampai ke peringkat itu jika kita berjimat dalam perbelanjaan kita.

22. Jika kita perlu tingkatkan perbelanjaan kita dan hutang negara, terlebih dahulu hendaklah kita tingkatkan kekayaan kita. Ini bermakna kita perlu tabungkan wang kita, kita perlu melabur dan kita perlu tingkatkan daya pengeluaran kita.

Tuan Yang di-Pertua,

23. Dalam tempoh 1981-83, negara-negara membangun,

khususnya yang bergantung kepada eksport bagi pertumbuhan ekonominya, telah menerima tekanan teruk daripada kemelesetan ekonomi dunia. Kita di Malaysia tidak terkecuali. Harga barangan utama yang kita eksport telah merosot. Sebaliknya, harga import terus kekal pada paras yang tinggi. Perkembangan ini telah menyebabkan negara mencatatkan kurangan akaun luar negeri yang besar, berjumlah \$19,400 juta. Kuasa membeli secara keseluruhan telah merosot, dan ini telah menjejaskan aktiviti sektor swasta. Langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kesan kemelesetan dengan cara meningkatkan perbelanjaan sektor awam bagi tempoh dua tahun yang pertama Rancangan Malaysia Keempat. Langkah-langkah ini telah membolehkan ekonomi mencapai pertumbuhan sebanyak 6.2% setahun, satu kadar yang boleh dibanggakan.

24. Malangnya, 'expansionary spending' oleh Kerajaan tidak boleh diteruskan terlalu lama. Ia melibat pinjaman yang besar dan akan membawa kesan buruk kemudian melainkan jika ekonomi pulih dengan prestasi yang amat tinggi. Dalam tempoh 1981-83 pinjaman bersih luar negeri berjumlah \$13,000 juta. Walaupun jumlah ini masih boleh dipikul, tetapi tambahan hutang akan membebankan negara dengan teruk menjelang tahun 1986 dan seterusnya. Oleh itu, Kerajaan tidak lagi boleh mengamalkan peningkatan perbelanjaan sektor awam bagi menampung kelembapan pelaburan dalam sektor swasta.

25. Kemelesetan ekonomi juga memberi kesan kepada kedudukan gunatenaga. Dalam tempoh Kajian, jumlah pekerjaan bertambah sebanyak 428,000. Ini adalah lebih rendah daripada tambahan tenaga buruh yang telah meningkat kepada jumlah 471,000 orang. Akibat daripada perkembangan ini, kadar pengangguran telah meningkat daripada 5.7% dalam tahun 1980 kepada 6% dalam tahun 1983. Bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini, bahawa masalah pengangguran di negara kita adalah terkawal. Sebahagian besar pengangguran ini disebabkan oleh pilihan pekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

26. Kemerostan harga barangan utama seperti yang dinyatakan telah juga memberi kesan kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan. Kadar kemiskinan bagi Semenanjung Malaysia, umpamanya, telah meningkat sedikit, iaitu daripada 29% dalam tahun 1980 kepada 30.3% dalam tahun 1983.

27. Di sini perlu dijelaskan apa yang ditakrif sebagai kemiskinan. Kemiskinan mutlak atau 'absolute poverty' seperti yang terdapat di setengah-setengah negara membangun yang malang, di mana kelihatan orang kebuluran meraba-raba ke dalam tong sampah untuk mencari makanan, atau terlantar di kaki lima tidak terdapat di Malaysia. Penjelasan ini adalah perlu kerana apabila pakar luar negeri membaca pendapatan yang kita tentukan sebagai garis pemisah antara miskin dan tidak miskin dibuat tanpa mengambilkira pengurangan perbelanjaan sara hidup akibat daripada

kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan atau keadaan setempat. Pembinaan sekolah dan klinik umpamanya mengurangkan perbelanjaan. Demikian juga subsidi berbentuk barang perlu. Di samping itu penduduk yang tinggal di tempat yang terpencil tidak perlu membayar berbagai cukai dan membuat lain-lain perbelanjaan. Walaupun faktor-faktor ini amat berkesan dari segi sara hidup, ia tidak diambilkira.

28. Oleh itu angka-angka kemiskinan dalam Kajian ini tidaklah boleh dianggap sebagai tepat. Ia cuma menjadi 'indicator' pendapatan sahaja dan tidak menjadi 'indicator' kuasa membeli.

29. Seperkara yang perlu dielak ialah tindakan pembasmian kemiskinan melalui pembayaran 'dole' atau subsidi sara hidup yang sudah menjadi amalan beberapa negara Barat. Pemberian 'dole' telah menyebabkan kemerosotan ekonomi beberapa negara Barat sehingga mereka tidak lagi dapat bersaing dengan negara lain yang maju dan yang membangun. Sebenarnya, apabila sahaja pendapatan dijamin, sama ada bekerja atau tidak, maka minat bekerja akan hilang. Dan, di waktu ekonomi negara merosot dan pendapatan Kerajaan berkurangan, di waktu itulah pengangguran dan 'dole' akan bertambah. Dengan perkataan lain di waktu pendapatan Kerajaan merosot, di waktu itulah perbelanjaan 'dole' meningkat.

30. Di Malaysia mereka yang tidak bekerja akan menjadi beban kepada keluarga. Oleh itu seseorang itu tidak suka menganggur dan menjadi beban kepada keluarganya. Sistem kekeluargaan atau 'extended family system' kita akan kekal dan menolong menstabilkan masyarakat dan negara. Keretakan sistem keluarga di Barat membawa kepada keruntuhan akhlak sehingga anak tidak lagi menghormati ibu bapa, orang muda tidak kenal orang tua, dan institusi perkahwinan diketepikan. Balasan kepada keruntuhan akhlak sudah pun menimpa dengan penyakit-penyakit baru yang tidak dapat diubati yang menyerang masyarakat yang tidak berakhlak. Jika kita membenarkan diri kita dipengaruhi oleh konsep 'welfare state' yang tidak terhad, akan hancurlah keluarga sebagai unit masyarakat serta sistem akhlak yang berpunca daripada hidup berkeluarga.

31. Walaupun bantuan wang akan diberi oleh Kerajaan dalam keadaan tertentu, dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan, kita akan bergantung lebih kepada membekal ilmu dan kemahiran dan mewujudkan peluang dan rancangan yang akan membolehkan rakyat mendapat pendapatan dengan usaha mereka sendiri. Proses ini dapat dilihat, umpamanya daripada skim FELDA, di mana orang yang tidak memiliki tanah menjadi peneroka dalam rancangan. Anak kepada peneroka pula sudah berpeluang mendapat pelajaran tinggi. Pendapatan peneroka meningkat tetapi pendapatan anak peneroka meningkat lebih lagi dengan tenaga mereka sendiri selepas diberi asas dan peluang oleh Kerajaan. Di samping itu, dengan pengeluaran getah, kelapa sawit, minyak serta lain-lain, negara dapat menambah pendapatan yang boleh digunakan untuk menolong

orang lain pula yang belum mendapat pertolongan. Sebaliknya, jika orang yang tidak memiliki tanah diberi elaun atau 'dole' kerana tidak ada pendapatan, masyarakat dan negara akan menanggung beban yang akan meningkat sepanjang masa.

32. Proses agihan kekayaan tidak berhenti dengan usaha ini sahaja. Untuk menentukan rakyat Malaysia menikmati kekayaan negara, Kerajaan dan pihak swasta telah membeli balik beberapa perusahaan yang dimiliki oleh orang asing. Permodalan Nasional Berhad adalah di antara beberapa agensi yang telah berjaya membawa balik syarikat-syarikat gergasi dalam bidang perlombongan, estet, kewangan dan lain-lain.

33. Kerajaan telah menetapkan bahawa syarikat-syarikat milik Kerajaan akan dibahagikan kepada sebanyak-banyak rakyat yang berminat. Dengan penubuhan Amanah Saham Nasional, setiap orang rakyat bumiputera yang mempunyai \$10/- boleh memiliki saham dalam syarikat-syarikat yang menggunakan modal Kerajaan. ASN sudah menjadi 'Unit Trust' yang terbesar di dunia dari segi bilangan pemegang saham, dengan jumlah 1.4 juta semuanya. Hingga kini pelaburan oleh mereka sudah meningkat kepada \$985.1 juta.

34. Tetapi pemilikan saham secara pasif, walaupun adil dari segi pembahagian kekayaan negara, tidak akan meningkatkan kecekapan pengurusan atau bilangan pengurus bumiputera. Oleh itu, adalah penting bagi Kerajaan menolong bumiputera yang berminat berniaga sendiri, dan mengambil alih beberapa syarikat asing. Sebenarnya, satu daripada kelemahan negara kita ialah kurangnya pengurus yang cekap. Oleh sebab itu Universiti Keenam diberi tugas khas melatih bakal pengurus, terutama daripada kalangan bumiputera.

35. Kita percaya, dengan tindakan-tindakan yang telah disebut di sini dan juga lain-lain tindakan, masyarakat dan negara akan maju dengan lebih pesat lagi, dan akan memperolehi kekayaan, yang boleh diagih dengan adil untuk mengurangkan kemiskinan. Tidak sepatutnya ada kemiskinan di Malaysia di waktu ini, jika kita semua sanggup bekerja kuat dan tidak meminta bermacam syarat sebelum bekerja.

Tuan Yang di-Pertua,

36. Peranan Kerajaan di dalam pembangunan sesebuah negara ialah untuk menyediakan asas-asas yang kukuh supaya satu struktur ekonomi yang progresif dan stabil akan wujud. Atas kesedaran ini, Kerajaan telah membelanjakan kira-kira \$40,400 juta dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat dan ini merupakan 94.4% daripada peruntukan lima tahun. Perbelanjaan yang besar ini adalah bagi mengatasi kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia seperti yang telah saya sebutkan tadi. Saya tidaklah bercadang untuk menyentuh kemajuan daripada usaha-usaha tersebut secara terperinci. Memadailah bagi saya menyatakan di sini bahawa negara kini mempunyai satu sistem infrastruktur yang lebih baik, asas ekonomi yang lebih kukuh dan mutu kehidupan

yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

37. Sekarang saya ingin pula meninjau prospek bagi tempoh 1984-85. Prospek bagi tempoh ini menunjukkan bahawa negara akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, iaitu 6.7% setahun. Dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan tahun 1984 di Dewan ini pada bulan Oktober yang lalu, Kerajaan telah meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 1984 ialah pada kadar 6%. Kadar pertumbuhan yang terbaru sebanyak 6.7% ini adalah lebih tinggi kerana ramalan ini telah mengambilkira perkembangan-perkembangan terbaru. Ramalan ini juga berdasarkan pertumbuhan antara 3 hingga 3.5% bagi negara-negara perindustrian. Dari segi keluaran, sektor pertanian, perlombongan dan pembuatan akan menjadi bertambah baik, manakala sektor-sektor lain pula akan berkembang dengan sederhana. Bagi sektor pertanian, perkembangan keluaran akan bergantung kepada kelapa sawit, manakala bagi sektor perlombongan, sumber pertumbuhan adalah daripada gas asli.

38. Peranan sektor awam dalam pertumbuhan ekonomi bagi dua tahun ke hadapan akan dikurangkan memandangkan bahawa penglibatan Kerajaan pada masa ini adalah terlalu luas. Bagi tempoh 1981-83, perbelanjaan sektor awam kepada jumlah perbelanjaan negara telah mencapai 33.4%. Di samping itu, Kerajaan juga perlu menyusun semula peranannya bagi memperbaiki jurang antara sumber kewangan dengan perbelanjaan. Selaras dengan ini, perbelanjaan pembangunan sektor awam bagi tempoh 1984-85 adalah berjumlah \$19,200 juta. Jumlah ini, secara purata tahunan, adalah 29% lebih rendah daripada yang dibelanjakan dalam tempoh 1981-83. Walau bagaimanapun, usaha mengurangkan perbelanjaan telah dijalankan dengan berhati-hati bagi memastikan pertumbuhan yang berterusan dalam jangka panjang serta mengelakkan kesan yang tidak diinginkan ke atas pelaksanaan program-program pembangunan, khususnya yang memberi sumbangan kepada pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru.

39. Daripada jumlah \$19,200 juta ini, sumbangan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$15,400 juta. Daripada jumlah tersebut, \$3,065 juta atau 19.9% adalah bagi projek-projek pertanian dan pembangunan luar bandar, \$1,399 juta atau 9.1% bagi perdagangan dan perindustrian, \$3,732 juta atau 24.2% bagi pengangkutan dan perhubungan dan \$2,081 juta atau 13.5% bagi kemudahan awam dan tenaga. Sektor-sektor sosial dan keselamatan pula masing-masingnya diperuntukkan sebanyak \$2,787 juta atau 18.1% dan \$2,007 juta atau 13% daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan.

40. Pertumbuhan ekonomi di masa hadapan, sebahagian besarnya, akan bergantung kepada kegiatan sektor swasta. Pelaburan dalam sektor berkenaan di jangka berkembang pada kadar 11.5% setahun iaitu sebanyak \$3,219 juta bagi tempoh 1984-85. Dengan perkembangan ini sektor swasta akan menyumbangkan kira-kira 67% daripada jumlah tambahan

pelaburan negara berbanding dengan 60% bagi tempoh 1981-83. Strategi utama bagi penglibatan sektor swasta yang lebih besar ialah melalui dasar penswastaan. Strategi ini akan juga menjamin beban kewangan Kerajaan dikurangkan, dan pada masa yang sama, mutu perkhidmatan akan dipertingkatkan. Bagaimanapun, suka saya memberi jaminan di sini, bahawa penswastaan akan dilaksanakan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Malah saya percaya strategi ini akan menambahkan lagi peluang bumiputera dari segi hakmilik, pekerjaan dan peluang-peluang perniagaan. Pendapatan kakitangan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang akan diswastakan tidak akan terjejas kerana penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua,

41. Pengalaman daripada kemelesetan ekonomi telah memberi faedah kepada kita kerana ianya telah menambahkan lagi keupayaan kita untuk menghadapi masa hadapan yang penuh dengan cabaran. Tetapi, yang paling utama, ialah ianya telah mendedahkan kita kepada beberapa kelemahan di dalam struktur ekonomi negara. Oleh yang demikian, kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian di masa lalu kerana apa yang penting kepada negara ini dan juga kehidupan kita ialah matlamat untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan, di samping membentuk corak pembahagian yang saksama. Berasaskan ini, Kajian Separuh Penggal yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, adalah berbeza daripada Kajian-Kajian terdahulu. Ianya bukan sahaja merupakan satu dokumen yang merakamkan pencapaian dan prospek, tetapi juga yang mengandungi garis panduan bagi penerapan nilai-nilai baru dan strategi pelaksanaan yang lebih bersesuaian dengan kehendak semasa.

42. Kajian Separuh Penggal ini cuba mengemukakan satu arah baru di dalam struktur pembangunan ekonomi negara. Pada kebiasaannya, kita mendapati bahawa kemajuan ekonomi selalu dikaitkan dengan peningkatan jumlah keluaran dan pendapatan. Kita sering lupa bahawa pembangunan juga menekankan penggunaan sumber-sumber negara yang terhad secara optimum. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia perlu meninggikan pengetahuan dan mengumpul pengalaman yang berfaedah dan sesuai daripada negara-negara lain. Dalam hal ini, Dasar Pandang Ke Timur telah diperkenalkan oleh Kerajaan, dan dasar ini mengandungi beberapa sikap dan nilai yang perlu kita amalkan. Sikap dan nilai-nilai ini juga merangkumi aspek-aspek peribadi dan cara hidup yang akan membantu kita dalam menghadapi cabaran untuk maju. Malah dari sinilah lahirnya semangat untuk bekerja kuat, berdedikasi dan berdikari. Unsur-unsur ini juga bertujuan untuk melahirkan konsep Bersih, Cekap dan Amanah dan mengukuhkan Kepimpinan Melalui Teladan. Semua nilai dan sikap yang perlu kita amalkan adalah secukupnya dan menjadi sebahagian daripada nilai-nilai Islam yang akan diserapkan oleh pentadbiran negara.

43. Strategi pembangunan akan juga diarahkan bagi membina satu kerjasama erat antara sektor awam dan swasta supaya

sumber-sumber ekonomi, termasuk keupayaan tenaga manusia, dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Sejajar dengan falsafah ini, Kerajaan telah mengemukakan konsep Persyarikatan Malaysia supaya dengan itu dapat diwujudkan satu semangat kerjasama antara sektor awam dan swasta yang akan melicinkan proses pembangunan negara. Dalam melaksanakan konsep ini, pendekatan dan aturcara kerja memerlukan beberapa perubahan. Agensi-agensi Kerajaan perlu lebih mengetahui keperluan dan masalah sektor swasta, sementara sektor swasta pula perlu memahami hasrat dan cita-cita Kerajaan. Sehubungan dengan ini, beberapa bidang kerjasama sedang dikenalpasti untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

44. Usaha pembasmian kemiskinan akan terus menjadi satu daripada dua matlamat penting pembangunan negara.

45. Semenjak Malaysia merdeka, pembangunan luar bandar telah diberi perhatian khusus oleh Kerajaan. Di sini, luar bandar tidak bermakna keadaan fizikal atau 'geographical' tetapi bermakna kawasan-kawasan yang diduduki oleh petani dan nelayan yang miskin. Kawasan-kawasan estet besar dan kawasan lombong yang dimiliki oleh orang-orang dan syarikat-syarikat yang kaya, walaupun berada di luar kawasan bandar, tidak ditakrif sebagai kawasan luar bandar dari segi perancangan dan program pembangunan negara. Namun demikian perhatian diberi juga kepada kampung-kampung baru dan kampung untuk buruh estet.

46. Dengan perkataan lain, pembangunan luar bandar bermakna pembangunan masyarakat desa yang miskin. Pembangunan ini merupakan satu usaha agihan kekayaan dari bandar dan daripada yang kaya, kepada desa dan yang miskin. Berpuluh ribu juta ringgit telah dibelanjakan untuk maksud ini dan berpuluh ribu juta ringgit lagi akan dibelanjakan dalam rancangan-rancangan yang akan datang. Di antara projek yang terbesar ialah Rancangan Perairan Muda dan Kada, Jengka Tiga Segi, Pahang Tenggara, Johor Tenggara, rancangan-rancangan FELDA dan RISDA, KEDA, pengkalan-pengkalan nelayan di pantai timur dan barat, rancangan air dan letrik luar bandar, jalan-jalan kampung, klinik dan sekolah desa, subsidi padi, subsidi nelayan, dan seribu satu lagi projek dan bantuan yang dianggap penting dan mampu dibiayai oleh negara. Cuma mereka yang buta hati sahaja yang tidak dapat melihat usaha-usaha untuk membangunkan masyarakat desa. Seperti kata peribahasa, "Tidak ada orang yang lebih buta daripada yang celek tetapi tidak mahu melihat".

47. Bagi Kerajaan, kita berhak berbangga dengan dasar, pelaksanaan dan pencapaian pembangunan luar bandar. Kita sudah pun menjadi contoh dan teladan kepada negara-negara membangun yang lain dan kepada agensi-agensi antarabangsa dalam pembangunan ini. Tetapi, Kerajaan tidak suka mendabek dada dan berpuas hati dengan pencapaian kita ini. Kerajaan tidak berhenti mengkaji dan mencari jalan dan usaha lain untuk mempertingkatkan lagi pembangunan desa.

48. Dalam semakan setengah penggal Rancangan Malaysia Keempat, satu kajian yang mendalam telah dibuat dan kita telah bersetuju untuk menerima satu pendekatan baru.

49. Sebenarnya di zaman moden ini kita tidak lagi boleh menerima sistem 'peasantry' atau sistem di mana petani cuba menampung sara hidup dengan memiliki dan mengerjakan sekeping tanah sebesar kangkang keru. Walau apa pun bantuan diberi, hasil daripada tanah milik yang kecil ini tidak mungkin menampung kehidupan petani.

50. Para intelektual kita yang bijaksana sering mencadangkan pembahagian tanah yang kononnya dimiliki oleh 'absentee landlord', iaitu tuan tanah yang tinggal di bandar dan menyewakan tanah mereka kepada petani yang miskin. Para intelektual ini sebenarnya ahli teori yang terpengaruh dengan pendapat Barat bahawa punca kemiskinan petani ialah 'absentee landlord'. Perkara ini mungkin benar di Mesir, Pakistan dan Iran di zaman dahulu. Di Malaysia 'absentee landlord' ini ialah mereka yang mewarisi tanah-tanah yang terlalu kecil melalui sistem faraid Islam. Tanah yang mereka miliki sekarang ialah sebahagian daripada tanah yang sudahpun kecil. Dan kebanyakan mereka ini terdiri daripada anggota polis pangkat rendah, kerani, pelayan pejabat yang bekerja di bandar kerana tidak mungkin mereka mencari nafkah daripada bahagian tanah keluarga yang dimiliki oleh mereka. Sebenarnya tidak ada 'zamindar' yang kaya yang memiliki ribuan ekar tanah padi atau kebun yang disewakan kepada petani miskin.

51. Sebagai contoh lihat Kawasan Perairan Muda, kawasan yang terbesar sekali untuk pesawah di Malaysia. Kawasan ini ialah seluas 129,651 hektar dan penduduknya hari ini ialah kira-kira 336,000 orang. Jika tanah dalam kawasan ini dibahagi secara sama rata, maka setiap orang akan memiliki dan mengerjakan kira-kira 0.386 hektar. Ini bermakna kita akan menjadikan semua petani MADA orang yang miskin. Dan anak cucu mereka akan menjadi lebih miskin lagi.

52. Sepatutnya kita hentikan penanaman padi dan kita import beras yang lebih murah dari negara-negara lain. Tetapi ini adalah merbahaya kerana jika ada kecemasan, kita tidak akan mempunyai apa-apa makanan. Kita mestilah mengeluarkan padi sendiri. Soalnya, apakah kita perlu menjadikan pesawah mangsa kepentingan strategi makanan negara?

53. Kerajaan berpendapat bahawa kita tidak perlu menjadikan penanam padi dan orang-orang di desa sebagai mangsa. Tetapi untuk memelihara mereka daripada nasib yang buruk ini, mereka mestilah sanggup menukar, secara beransur-ansur, cara hidup dan pergantungan mereka kepada pengeluaran padi.

54. Di Malaysia, kita telah lihat bagaimana estet getah dan kelapa sawit memberi lebih banyak hasil daripada satu ekar berbanding dengan hasil kebun pekebun kecil. Sebabnya ialah estet diurus dengan cara yang lebih efisien. Apakah

penanaman padi secara estet besar boleh menjadi lebih efisien atau tidak? Kerajaan percaya ianya boleh menjadi lebih efisien.

55. Selain daripada itu, kehidupan di kampung, walaupun mencerminkan kebudayaan desa kita, dan amat cantik jika dilukis dengan pohon kelapa dan bulan purnama untuk kad hari raya, tetapi hakikatnya ialah kehidupan di kampung tradisi adalah sukar dan kos penyediaan kemudahan seperti bekalan air, api, jalan, klinik kesihatan, sekolah dan lain-lain adalah tinggi dan menghalang perusahaan yang boleh memberi pendapatan yang bertambah kepada penduduknya.

56. Memandang kepada hakikat ini dan kepentingan petani di luar bandar, maka Kerajaan berpendapat bahawa pendekatan yang bijak dan lebih menguntungkan petani dan negara ialah dengan mengadakan program pertanian berkelompok dan pengumpulan kampung-kampung yang berdekatan untuk dijadikan bandar kecil.

57. Pesawah, umpamanya, akan mencantumkan tanah mereka yang sebelah menyebelah untuk menjadi estet padi. Pengurus-pengurus estet akan dilatih oleh Kerajaan dan dibayar gaji oleh koperasi pemilik tanah. Jentera-jentera juga akan dimiliki oleh koperasi estet. Pemilik tanah akan mendapat saham dalam estet mengikut saiz tanah mereka sebagai peratusan daripada saiz estet. Hak milik serta geran mereka akan kekal sebagai hak mereka dan zuriat mereka. Saham mereka juga boleh diniagakan sama seperti geran dan akan tertakluk kepada syarat asal geran. Misalannya, jika tanah itu adalah simpanan Melayu, saham juga akan tertakluk kepada syarat-syarat simpanan Melayu.

58. Sementara sawah mereka disatukan dan diurus sebagai estet, peserta sesuatu skim akan ditempatkan semula dalam satu kawasan yang sesuai dalam estet itu. Oleh kerana rumah-rumah yang akan dibina akan mengikut pelan yang tertib, tanah untuk bandar kecil yang akan diwujudkan tidak akan dibazirkan. Dengan perkataan lain, lebih banyak tanah peserta boleh diguna untuk ladang atau kepentingan lain yang berhasil daripada jumlah keluasan kampung-kampung yang dicantumkan.

59. Bandar-bandar ini akan dibekal dengan kemudahan air, letrik, jalan dan lain-lain. Sekolah dan klinik akan diadakan mengikut keperluan. Begitu juga kedai-kedai akan diadakan.

60. Selain daripada kedai-kedai yang boleh menjadi punca pendapatan kepada yang ingin berniaga, industri kecil yang sesuai dengan sumber alam tempatan dan lain-lain faktor akan dikenalpasti. Pesawah yang tidak bekerja di sawah atau yang mempunyai masa lapang boleh bekerja secara tertib di kilang-kilang yang mungkin dimiliki sepenuhnya atau separuh oleh koperasi pesawah. Pendapatan penduduk bandar kecil akan bertambah melalui gaji serta keuntungan koperasi. Percubaan yang sudah dan sedang dijalankan menunjukkan

bagaimana pendapatan daripada industri kecil kerap melebihi pendapatan sebagai pesawah.

61. Rancangan ini bukanlah untuk pesawah sahaja. Nelayan, pekebun kecil dan orang-orang yang tidak memiliki tanah sama sekali, boleh juga menyertai rancangan ini. Pembangunan akan disesuaikan dengan keadaan tempat, latarbelakang dan kemampuan golongan-golongan yang terlibat.

62. Masalah dan halangan terhadap skim ini akan tetap dialami. Penduduk desa sendiri mungkin akan menentang penyatuan tanah mereka dan penempatan semula mereka di bandar-bandar kecil yang dirancangkan. Daripada pengalaman yang didapati di Kedah dan Kelantan, dan beberapa negeri lain, kecurigaan dan tentangan mereka boleh diatasi melalui penerangan yang jelas dan pelaksanaan yang berhati-hati.

63. Yang akan menjadi masalah besar ialah percubaan ahli politik dan orang-orang yang ingin menjadi jaguh, untuk menjadikan usaha baik Kerajaan ini sebagai satu isu. Di waktu Rancangan Perairan Muda dilaksanakan, orang-orang jenis ini telah muncul untuk kononnya mempertahankan hak petani. Di antara hujah yang disebarkan oleh mereka berkenaan dengan MADA ialah "Petani akan mati kerana terpaksa kerja sepanjang tahun", "Kain mereka tidak akan kering kerana bekerja dalam sawah sepanjang masa", "Tanah akan menangis kerana tidak dapat rehat", "Penanaman padi dua kali setahun adalah bercanggah dengan kehendak Tuhan", "Harga padi akan turun kerana terlalu banyak padi", dan bermacam lagi hujah yang ganjil.

64. Tetapi, hari ini orang yang sama, setelah melihat pendapatan petani MADA bertambah, telah mengecam Kerajaan kerana kononnya tidak adil. Mereka mendakwa ada tempat-tempat yang tidak mendapat air dari Ampangan Muda, dan tidak dapat tanam dua kali setahun. Pendapatan petani di luar kawasan MADA dikatakan rendah oleh kerana kesilapan Kerajaan.

65. Waris orang-orang yang sama, serta satu golongan cerdik-pandai tertentu, sudah tentu akan menjadikan rancangan penyusunan semula penduduk luar bandar ini sebagai sasaran mereka. Sudah tentu ada orang yang akan berkata sekim ini bermakna akan hilanglah kecantikan kampung Melayu, dan akan hilanglah kebudayaan asli. Mereka akan mengecam oleh kerana tuan tanah kononnya dijadikan pekerja bergaji, rancangan tidak ekonomik, merugikan dan bermacam-macam lagi tohmahan yang mana fikiran normal tidak dapat menciptakannya tetapi mereka boleh ciptakan. Sudah tentu hadis dan firman akan dicari, dikerat-keratkan, disalah tafsir dan dilempar bagi menggagalkan usaha baik ini, semata-mata kerana ingin menonjol kecerdikan atau kerana kepentingan politik.

66. Tidak cukup dengan memburukkan rancangan ini, saya yakin mereka akan menghasut penduduk desa sendiri supaya membangkang dan menghalang projek ini.

68. Saya ingin tegaskan di sini bahawa Kerajaan akan terus

berusaha untuk menjayakan rancangan memulih keadaan di desa dan penduduk desa. Pegawai-pegawai akan diberi taklimat kebahagiaan masyarakat desa. Saya yakin skim ini adalah langkah yang penting dan utama yang akan membawa petani dan nelayan dari abad ke sembilan belas ke abad dua puluh, serta menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran abad kedua puluh satu.

67. Inilah satu daripada usaha baru Kerajaan ke arah pembasmian kemiskinan khususnya di desa.
Tuan Yang di-Pertua,

68. Dalam usaha memesatkan lagi pembangunan wilayah, Kerajaan akan mengemukakan beberapa pendekatan baru dalam strategi yang akan dijalankan. Peranan dan sumbangan sektor swasta akan diambil kira sepenuhnya dalam proses pembangunan negara, terutamanya pembangunan industri. Perancangan pembangunan yang selama ini berasaskan kepada sempadan negeri, akan disusun semula supaya menekankan konsep pembangunan wilayah yang lebih menyeluruh. Pendekatan perancangan yang sedemikian akan dapat memberi faedah yang optimum kepada setiap negeri di samping mengurangkan persaingan yang kurang sihat antara negeri yang berjiran.

69. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia yang luasnya 334,000 kilometer persegi mempunyai jumlah penduduk seramai 14.8 juta. Berbanding dengan Britain yang luasnya 245,000 kilometer persegi dengan 55 juta orang penduduk, dan Filipina dengan 300,000 kilometer persegi dan 45 juta orang, dan lain-lain negara maju dan membangun, bilangan penduduk Malaysia adalah kecil. Bilangan yang besar tidak bermakna kemewahan, tetapi bilangan yang terlalu kecil membawa banyak masalah. Di antaranya ialah pasaran dalam negeri adalah terlalu kecil untuk menampung 'mass consumption industry'. Memandang kepada inilah maka Kerajaan telah menentukan bahawa Malaysia harus mempunyai jumlah penduduk seramai 70 juta akhirnya.

70. Matlamat ini bukanlah tidak bersyarat. Penduduk yang ramai tidak akan membawa kebahagiaan melainkan mereka rajin bekerja dan berdisiplin. Oleh itu, dari sekarang lagi sifat-sifat yang baik termasuk kerajinan dan disiplin mestilah dipupuk di kalangan semua penduduk, terutama generasi baru. Teladan yang baik mesti ditunjuk oleh ibu bapa, guru-guru dan ahli-ahli politik juga. Insya-Allah, dengan bilangan penduduk yang besar, berdisiplin dan rajin, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang berjaya dan dihormati oleh semua.

71. Kita telah maju setapak lagi dalam usaha memperkukuhkan sektor perindustrian negara. Daripada struktur industri yang menumpukan kepada perusahaan gantian import barang-barang pengguna, kita kini telah memasuki era baru di mana tumpuan telah diberikan kepada pembangunan industri gantian import peringkat kedua dan industri berat. Dengan tertubuhnya industri-industri berat, berbagai faedah sampingan atau rantaian akan dihasilkan terutamanya dari

segi mengguna sumber-sumber asli negara dan menyediakan asas untuk memajukan teknologi tempatan. Industri-industri berat ini, selain daripada menjimatkan pertukaran wang asing akan juga menyediakan peluang untuk menambahkan kemahiran yang boleh digunakan dalam industri-industri lain di samping memberi peluang mempelajari cara-cara mengurus perusahaan-perusahaan perindustrian besar. Ini akan secara langsung meluaskan lagi asas ekonomi negara. Di samping itu galakan istimewa akan diberi kepada industri kecil. Kerajaan sendiri akan mengenalpasti dan menyediakan kajian kemungkinan atau 'feasibility studies', di mana perlu, supaya penduduk luar bandar akan dapat menyertai perkembangan perindustrian.

72. Dari sudut perancangan pula, satu Pelan Induk Perindustrian yang menyeluruh sedang dirangka. Secara khusus, ianya akan memastikan terbentuknya rangkaian yang lebih lengkap antara sektor, penggunaan sumber yang optimum dan pertumbuhan perindustrian yang lebih sejajar antara kawasan.

73. Di sini perlu ditegaskan sekali lagi bahawa jaya atau tidaknya strategi dan pelaksanaan rancangan perindustrian tidaklah bergantung semata-mata kepada dasar, modal dan teknologi. Lebih penting daripada tiga asas ini ialah kecekapan pengurusan dan minat serta kesanggupan bekerja.

74. Negara-negara yang sekarang sudah maju dalam bidang industri telah membuat pengorbanan yang banyak sebelum berjaya. Pekerja mereka bekerja kuat dan tidak mengutamakan kepentingan diri. Cuma apabila mereka maju sahaja barulah fikiran ditumpukan kepada nikmat yang lebih untuk diri sendiri.

75. Rancangan perindustrian Malaysia akan gagal jika awal-awal lagi bermacam-macam tuntutan dan ugutan dibuat oleh kakitangan. Kita tidak ingin pekerja diperhambakan, tetapi pekerja pula tidak harus mengguna kuasa mogok dan sebagainya dengan tidak memikir kesan jangka panjang. Jika rancangan perindustrian kita gagal, bukan sahaja syarikat yang terlibat yang akan rugi, tetapi pekerja sendiri akan rugi. Dan seterusnya semua rakyat akan rugi dan Malaysia akan terus dijajah dari segi ekonomi.

76. Dalam industri baru, cuma 'in-house union' sahaja patut diadakan. Mereka yang berminat untuk mengguna tindakan perusahaan sebagai asas kuasa bagi diri sendiri tidak ada tempat. Malaysia, sebagai negara yang membangun, tidak mampu mengamal cara dan permainan negara yang maju. Jika ekonomi negara yang sudah maju pun boleh runtuh kerana tindakan perusahaan yang tidak bertanggungjawab, apatah lagi negara membangun seperti Malaysia. Berkorbanlah dahulu. Kebahagiaan akan datang kemudian.

Tuan Yang di-Pertua,

77. Kekuatan kita sebagai sebuah negara yang merdeka telah

teruji dalam saat-saat kita menghadapi kemelesetan ekonomi. Kita masih mampu untuk mencatatkan kemajuan dan ini adalah hasil daripada semangat dan ketekunan bekerja. Walaupun telah ada tanda-tanda bahawa kemelesetan akan berakhir, ini tidaklah bermakna yang kita sudah boleh berpeluk tubuh dan menuntut itu dan ini. Kita kini memasuki satu era baru. Kekuatan ekonomi kita akan bergantung sepenuhnya kepada peningkatan daya pengeluaran dan keupayaan untuk bertanding dengan negara-negara lain. Saya berpendapat bahawa satu-satunya harta yang paling bernilai bagi negara ini ialah semangat penduduknya untuk berjaya dan kesungguhan bekerja. Marilah kita sama-sama menyambut cabaran zaman dan bekerja dengan lebih gigih bagi memastikan kemajuan yang lebih besar. Semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati usaha-usaha kita dan meneguhkan semangat kita untuk menghadapi segala ujian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.